

07/11/1999

PM mahu MAS perluas operasi

Halmi Samad

PETALING JAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menegaskan Penerbangan Malaysia (MAS) mesti mengembangkan operasi penerbangan ke seluruh pelosok benua untuk meningkatkan keuntungan.

Perdana Menteri berkata, setakat ini, MAS sudah membuktikan ia setaraf dengan semua syarikat penerbangan negara maju di dunia berdasarkan prestasi cemerlang semasa.

Beliau mengakui Malaysia pernah beranggapan tidak perlu untuk menerokai penerbangan terus antarabangsa ke seluruh dunia `kerana ia milik kuasa besar dan negara maju'.

"Awal dulu kita fikir penerbangan antarabangsa tidak perlu kerana ia menjadi hak negara maju. Kita berasa kita bangsa kecil dan kita berasa kita negara kecil.

"Tetapi, kita dapati kita sudah mampu perbesarkan syarikat ini. MAS kini terkenal di seluruh dunia. Oleh itu, MAS mesti terbang ke seluruh negara di benua di dunia.

"Penerbangan menyeluruh ke seluruh dunia bermakna lebih ramai pelancong akan datang ke Malaysia," katanya ketika berucap pada Hari Keluarga MAS di Stadium MPPJ, semalam.

Dr Mahathir berkata, semua rakyat Malaysia, termasuk kakitangan dan pemegang saham MAS juga mesti berbangga dengan kejayaan dicapai syarikat penerbangan berkenaan.

Perdana Menteri turut meramal MAS akan merekodkan prestasi cemerlang selepas ini berikutan pertambahan keyakinan terhadap tahap perkhidmatan syarikat berkenaan.

Pada masa sama, beliau menasihati semua kakitangan syarikat penerbangan itu supaya sentiasa bekerja keras `seolah-olah memiliki MAS' demi menaikkan keuntungan tahunan.

Sementara itu, Pengerusi MAS, Tan Sri Tajudin Ramli berkata, MAS dan semua kakitangan sentiasa menyokong kepimpinan Perdana Menteri dari dulu sampai sekarang.

"Kita memang sentiasa sokong Datuk Seri Dr Mahathir. Itu tidak boleh dinafikan sama sekali," katanya sambil menyanan semua kakitangan MAS mengamalkan sikap amanah serta berdisiplin.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

(END)